

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]

TARIKH : 25 Mei 2016

SOALAN : 11

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan dalam meningkatkan lagi kawalan keselamatan di kawasan "ESSZONE" agar kejadian-kejadian culik yang telah terjadi beberapa kali dapat dielakkan. Pelan keselamatan yang lebih efisien perlu dilaksanakan serta-merta agar dapat memberi keyakinan kepada pelabur, pelancong dan juga penduduk tempatan bahawa Sabah adalah selamat untuk dikunjungi dan didiami.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua

ESSCOM telah mengambil pelbagai inisiatif jangka pendek, sederhana dan jangka panjang dalam memastikan ESS Zone selamat untuk pelancong dan komuniti maritim setempat dari ancaman penculikan.

Antara lain inisiatif jangka pendek yang diambil adalah seperti berikut:

1. memperkukuhkan penempatan pasukan keselamatan di daratan sepanjang ESSZone khususnya di kawasan/laluan berisiko tinggi yang dikenal pasti;
2. mengatur gerak vesel-vesel di sepanjang perairan ESS Zone, khususnya di kawasan laluan-laluan yang telah dikenal pasti bagi mewujudkan *visual presence and deterrence*;
3. mengerakkan tim respon ke lokasi-lokasi strategik untuk tindak cepat di samping memperaga kehadiran;
4. mengoptimumkan sistem pengawasan radar dan Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah dan Kapal Auxiliary Tun Azizan (*seabasing*), radar *point defence* dari 3 buah pulau, sistem kamera jarak jauh *Big Eye* di pulau-pulau strategik, pengawasan pesawat udara maritim dan *unmanned aerial vehicle* (UAV).
5. perkongsian maklumat dan risikan di peringkat taktikal dan *operational* baik antara agensi dan juga dengan agensi perisikan Filipina.
6. melaksanakan operasi-operasi di daratan dan laut (OP BERSEPADU, OP GASAK, OP GASAK LAUT dan OP KHAS) sebagai usaha pencegahan dan sebagai *show of force*;
7. melancarkan operasi-operasi khas memburu sarang-sarang penjenayah/tali barut Abu Sayaf Group (ASG) dari semasa ke semasa;
8. memberi perlindungan keselamatan pelayaran vesel-vesel yang melalui perairan ESSZONE dengan tindakan-tindakan berikut:
 - i. *routing advisory* bagi menghindari laluan-laluan berisiko tinggi.

- ii. *Notice to Mariners* dan menghebahkan NAVTEXT oleh Jabatan Laut Malaysia bagi menasihatkan vesel-vesel mengambil langkah berjaga-jaga apabila melalui perairan yang berisiko tinggi.
- iii. membayangi (*shadows*) dan mengiringi vesel-vesel selaras ancaman semasa.
- iv. *engagement* dengan persatuan perkapalan, agen perkapalan dan nakhoda dalam memastikan tindakan *shipboard preventive measures* dilaksanakan dengan serius.

Bagi langkah sederhana dan jangka panjang ESSCOM adalah seperti berikut:

1. pewujudan *High Level Committee* antara Malaysia dan Filipina dalam mengadakan kerjasama dua hala dalam menangani isu-isu keselamatan di persempadanan antara dua negara.
2. membangunkan Pusat Informasi Bersepadu (termasuk pertukaran pegawai antara negara) bagi meningkatkan *maritime domain awareness* bagi perkongsian maklumat antara negara.
3. Latihan berkala antara negara bagi membina *inter-operability*.
4. Memperkukuhkan kerjasama perisikan antara negara.

Bagi meningkatkan keyakinan rakyat Malaysia dan pelabur asing bahawa kawasan ESS Zone adalah selamat ESSCOM telah mengambil tindakan-tindakan berikut:

1. melaksanakan program-program *engagement* bersama operator-operator pusat peranginan/pelancongan, persatuan nelayan, komuniti setempat dan persatuan-persatuan/dewan perniagaan;
2. melaksanakan operasi-operasi dalam membersihkan unsur-unsur jenayah di ESS Zone; dan
3. meningkatkan *visual presence* dan *community policing*.

Inisiatif pengukuhan keselamatan dan kawal selia *freedom of movement* di persempadanan negara diperketatkan oleh ESSCOM ke atas resort-resort, tempat tumpuan pelancong, sangkar ikan dan laluan-laluan yang berisiko adalah berkesan dan memaksa KFRG mengubah sasaran kepada sasaran mudah (*soft targets*) seperti kapal dagang dan kapal tunda. ESSCOM juga telah mengenal pasti kawasan yang mudah atau terdedah kepada ancaman (*soft area*) seperti bandar-bandar di ESSZONE iaitu Sandakan, Lahad Datu, Kunak dan Semporna. Justeru, kawalan keselamatan akan dipertingkatkan.

Selain itu, Kerajaan pada masa kini telah mengharamkan aktiviti barter trade di kawasan ESSZONE. Kerajaan juga menguatkuasakan pengharaman penggunaan pump bot kepada bukan penduduk tempatan bagi membentasi aktiviti penyeludupan.

ESSCOM telah merangka dan sedang melaksanakan **Pelan Komprehensif Keselamatan Jangka Panjang** dalam membendung kejadian-kejadian penculikan dan jenayah rentas sempadan.

Sekian, terima kasih.